

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 22.10.2015

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa 50 pekerja pembersihan (cleaners) di beberapa sekolah di Ipoh tidak dibayar gaji bagi bulan Julai dan Ogos sehingga 14 September 2015. Adakah benar majikan mereka, Double Click Enterprise, tidak dibayar oleh Kerajaan untuk bulan Julai dan Ogos sehingga 14 September 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mempunyai dan menjalankan obligasi untuk membuat pembayaran apabila perolehan kerja selesai dilaksanakan setelah mendapat tuntutan diterima dengan lengkap dan sempurna. Hal ini selaras dengan syarat-syarat kontrak kerja dan peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran bagi kerja-kerja pembersihan kepada syarikat Double Click Enterprise untuk bulan Julai 2015 telah dilakukan oleh KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak pada 21 Ogos dan 9 September 2015. Manakala, bayaran bagi bulan-bulan seterusnya adalah dalam tindakan JPN Perak. Penjajaran

semula peruntukan secara keseluruhan sedang dilakukan bagi memastikan semua bayaran kontraktual item termasuk pembersihan kawasan dapat diselesaikan.

RJM11